

# MAHATHIR KUKUH DARI SEBELUMNYA

16 FEB 1988

Oleh Rosnah Majid

**A**PABILA Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengisytiharkan bahawa UMNO pertubuhan haram dan pemilihan parti itu pada 24 April 1987 sebagai tidak sah, kumpulan 11 ternyata menang. Mereka menang kerana tujuan kes itu dibawa ke mahkamah adalah untuk meminta mahkamah membatalkan keputusan pemilihan itu dan dengan itu, pemilihan tersebut diadakan semula.

Tetapi mereka telah memperolehi lebih dari yang mereka minta. Bukan saja pemilihan itu tidak sah, tetapi mahkamah juga mengisytiharkan parti itu sebagai pertubuhan haram. Dengan pengisytiharan itu, mereka tidak saja dapat menggugat kedudukan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO, tetapi juga sebagai Perdana Menteri. Tetapi ternyata kemenangan kumpulan itu hanya terhad di mahkamah. Peristiwa - peristiwa yang berlaku seterusnya bukan saja gagal menggugat kedudukan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, sebaliknya membuatkan kedudukan beliau lebih kukuh.

Jika apa yang berlaku sejak dua minggu lalu ingin dilihat sebagai permainan politik, ternyata Datuk Sri Dr. Mahathir telah mengatur permainan terbaik yang pernah beliau buat sepanjang tujuh tahun beliau menjadi Presiden UMNO dan juga Perdana Menteri. Beliau bukan saja berjaya meletakkan seluruh kesalahan kepada kumpulan 11 serta orang - orang yang mendokong mereka, tetapi keadaan yang wujud telah juga mengukuhkan lagi kedudukannya di samping memencilkan musuh - musuh politiknya yang dikatakan membuat angkara ini.

Sekali pun tanpa menjadi Presiden UMNO, beliau telah mendapat ikrar sokongan dari seluruh ahli Parlimen Barisan Nasional, ahli - ahli Dewan Negara, ahli - ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional, pertubuhan - pertubuhan, termasuk CUEPACS yang biasanya berkonfrontasi dengan kerajaan di waktu menuntut gaji hinggalah kepada ketua - ketua kampung.

Sokongan yang ditunjukkan dalam perhimpunan ahli - ahli Parlimen, ahli - ahli Dewan Undangan Negeri dan para senator telah mendedahkan bahawa kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir bukan saja diperlukan lagi, tetapi juga memberi isyarat kepada sesiapa yang ingin menggugatinya, bahawa mereka terpaksa menentang arus yang besar.

Dan ini juga membuktikan bahawa kerajaan di bawah kepimpinan beliau mendapat sokongan besar. Dan sokongan ini dengan sendirinya menolak sebarang anggapan bahawa Perdana Menteri berada dalam keadaan yang paling tidak selamat sejak 4 Februari lalu.

Lebih mengukuhkan kedudukan beliau apabila Yang di-Pertuan Agong sendiri menyeru supaya semua ahli politik dan anggota BN beri sokongan kepadanya sebagai Perdana Menteri. Dengan itu pintu untuk musuh - musuhnya menggugat kedudukan beliau telah terkunci.

Dari apa yang berlaku ini jelas bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir memilih caranya tersendiri untuk menyelesaikan masalah UMNO. Beliau tidak

**Datuk Sri Dr. Mahathir sudah tentu bertanggungjawab menyelesaikan kebuntuan yang timbul dalam parti yang diterajuinya, sebab itu beliau terlebih dahulu mesti bertindak memperkukuhkan kedudukannya dalam kerajaan**

menyelesaiannya menerusi parti itu, tetapi menerusi kerajaan.

Ini memperlihatkan seolah - olah isu sebenar mengenai masalah UMNO telah berpindah kepada isu kedudukannya sebagai Perdana Menteri. Beliau ternyata menyedari bahawa sejak mahkamah mengisytiharkan UMNO pertubuhan haram, kedudukannya hanya bergantung kepada sokongan dalam Parlimen dan juga dari Yang di-Pertuan Agong. Beliau memastikan terlebih dahulu dengan mendapat sokongan yang spontan telah membuatkan kedudukannya sebagai Perdana Menteri tidak terjejas, malah lebih kuat, sebelum musuh - musuh politiknya membuat sebarang gerakan mencabarnya seperti menganjurkan undi tidak percaya.

## Lebih yakin

Sokongan yang dibuat di luar Parlimen ini penting untuk memastikan apabila beliau meminta sokongan secara sah di Dewan yang mulia nanti beliau akan memperolehinya.

Ini bukan saja untuk memastikan kedudukannya tidak tergugat sekali pun kemungkin ada cadangan dari pihak tertentu untuk membawa usul undi tidak percaya kepadanya, tetapi juga untuk mematikan rancangan dari pihak - pihak itu.

Sokongan yang demikian besar di luar Parlimen dipercayai akan menggerunkan sesiapa yang berhajat untuk berbuat demikian. Nampaknya beliau bertindak membunuhnya dari putik lagi. Cara ini sebenarnya

SEKARANG LEBIH

akan dilakukan oleh sesiapa juga yang berada dalam kedudukan beliau.

Usaha memastikan kedudukan beliau terselamat sebagai Perdana Menteri sebenarnya mempunyai hubungan rapat dengan usaha menyelesaikan masalah UMNO. Datuk Sri Dr. Mahathir sudah tentu bertanggungjawab menyelesaikan kebuntuan yang timbul dalam parti yang diterajunya, sebab itu beliau terlebih dahulu mesti bertindak memperkukuhkan kedudukannya dalam kerajaan.

Apabila kedudukannya dalam kerajaan kukuh, barulah beliau dapat bertindak mencari jalan penyelesaian kepada masalah UMNO. Di waktu itu barulah beliau akan merasa lebih yakin untuk mengambil sebarang langkah - langkah perlu.

Seperti yang beliau sebut dalam perhimpunan di Dewan Bankuasi Parlimen Ahad lalu bahawa kestabilan UMNO adalah amat penting kepada

kestabilan kerajaan. Dan kestabilan kerajaan pula penting kepada usaha - usaha mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang ini. Jadi usaha - usaha menyelesaikan masalah UMNO bukan saja perlu disegerakan tetapi merupakan perkara utama kepada Datuk Sri Dr. Mahathir sekarang ini.

Apa yang berlaku dalam UMNO sejak setahun lalu adalah cabaran terbesar pernah dilalui oleh parti berusia 42 tahun itu. Tidak saja parti itu berpecah dan menghadapi cabaran dari dalam, malah kini ianya turut lumpuh tanpa boleh menjalankan apa-apa fungsi.

Mesyuarat UMNO terpaksa dibuat di atas nama perjumpaan muhibah. Para pemimpin dan ahli-ahli terpaksa disebut bekas pemimpin dan bekas ahli. Harta-harta UMNO dibekukan dan ibu pejabatnya serta pejabat - pejabat lain juga tidak boleh menjalankan sebarang aktiviti.

Kedudukan ini amatlah memilukan bagi ahli-ahli UMNO, lebih-lebih lagi para pejuang parti itu yang kini telah tua, yang selama ini tidak pernah langsung terlintas di fikiran mereka bahawa suatu hari ini parti yang mereka dokong menjadi haram.

Dalam kedudukan begini, usaha menyelesaikan masalah UMNO adalah perlu disegerakan. Perdana Menteri berjanji bahawa ianya akan diselesaikan menerusi apa cara sekali pun kerana ianya tidak saja melibatkan orang-orang Melayu tetapi negara seluruhnya.

Persoalan ekonomi memerlukan kestabilan politik untuk diatasi. Negara memerlukan banyak pelaburan dalam negeri dan asing untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang lembap sejak beberapa tahun lalu.

## Satu penentu

Pertumbuhan ekonomi ini penting untuk melahirkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan bagi mengatasi masalah pengangguran yang kadarnya dianggarkan 9.4 peratus tahun ini.

Menurut kajian seorang ahli ekonomi di bidang perusahaan, Thailand kini keluar sebagai pesaing utama Malaysia di sektor ini. Malah kedudukan ekonomi negara itu begitu meyakinkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Sebagai negara yang ingin menarik pelabur asing dari sumber yang sama, Malaysia perlulah menyediakan peluang - peluang serta iklim pelaburan yang baik. Masalah yang berlaku dalam UMNO yang berterusan, boleh mengalihkan pelaburan asing ke negara-negara lain.

Oleh itu perpaduan UMNO merupakan faktor terpenting dalam memastikan masa depan negara ini. Ini lebih-lebih lagi Dasar Ekonomi Baru akan tamat dalam masa dua tahun lagi, tetapi usaha ke arah melahirkan dasar selepas itu belum lagi kedengaran. Dasar selepas DEB merupakan satu penentu kepada kedudukan orang-orang Melayu bukan saja sehingga akhir kurun ini tetapi dalam menentukan *survival* mereka di kurun ke-21.

Jadi pucuk pimpinan Melayu sekarang ini berada dalam ketika yang amat penting untuk membuat keputusan - keputusan bagi menjamin masa depan orang-orang Melayu.

Dengan itu UMNO memerlukan kestabilan dan perpaduan. Masalah UMNO perlu segera diatasi. Perpecahan UMNO perlu disatukan semula. Puak-puak dalam UMNO perlu dibawa berteduh di bawah satu payung yang boleh meneguhkan kedudukan parti itu.

Apa yang menimpa UMNO sekarang ini tentulah diharapkan merupakan kemuncak dan selepas ini tidak ada yang lebih besar dari itu lagi. Ahli-ahli biasa UMNO sudah bosan dengan masalah yang ditimbulkan lepas satu, satu dan mereka mahukan pemimpin mereka bersatu bagi menyatukan ahli-ahli di bawah.